

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU

1103/1

KERTAS 1

2 JAM

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1**

PERHATIAN

Untuk kegunaan pemeriksa.

PERATURAN PEMARKAHAN

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.


Petikan di bawah berkaitan dengan warisan budaya.

Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang warisan budaya di negara kita.

Panjang huraihan hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Malaysia sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk memiliki warisan budaya bangsa yang pelbagai dan menarik. Namun begitu, dari hari ke hari, warisan budaya bangsa semakin dilupakan oleh ahli masyarakat kita sendiri. Usaha mengekalkan warisan budaya bangsa adalah dengan memberi penekanan yang lebih kepada pendidikan warisan budaya bangsa di sekolah. Selain itu, menjaga dan memulihara tempat-tempat bersejarah yang menjadi sebahagian daripada warisan budaya kita.

Sumber : Internet



Kehendak / tugasan soalan :

1. Calon dikehendaki menghuraikan **cara / langkah / usaha mengekalkan warisan budaya di negara kita** iaitu :
 - a. memberi penekanan yang lebih kepada pendidikan warisan budaya bangsa di sekolah.
 - b. menjaga dan memulihara tempat-tempat bersejarah.
2. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
3. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **usaha-usaha mengekalkan warisan budaya di negara kita** – diterima dan disemak seperti biasa.
4. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
5. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
6. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

BAHAGIAN B

(70 markah)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 sehingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

Ke pasar tamu membeli halia,
Beli bersama semangkuk laksa;
Orang berilmu sangatlah mulia,
Dikasihi orang setiap masa.

Tinggi menegak si pohon jati,
Tempat burung hinggap berteduh;
Ilmu itu pelita hati,
Kelak hidup akan tersuluh.

Pak Leman ke pasar tamu,
Singgah membeli sebilah parang,
Bersyukurlah tuan punyai ilmu,
Kelak tidak dibodohkan orang.

Sumber : *Internet*

Pantun di atas menyatakan kepentingan ilmu dalam kehidupan.

Huraikan kepentingan-kepentingan tersebut.

Kehendak / tugasan soalan :

1. Calon dikehendaki **menghuraikan kepentingan ilmu dalam kehidupan** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :
 - (i) Dipandang mulia/tinggi/dihormati
 - (ii) Masa depan yang cerah/berjaya pada masa hadapan
 - (iii) Tidak mudah ditipu

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan kepentingan – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 2

Setiap individu mengimpikan tubuh yang sihat dan cergas agar dapat memberikan keselesaan kepada diri untuk melakukan pelbagai aktiviti harian. Selain dapat mencegah diri daripada penyakit, gaya hidup sihat juga memberikan impak positif kepada produktiviti dan kualiti hidup secara keseluruhan kerana tubuh yang sihat dan minda yang cerdas membolehkan individu bekerja dengan lebih efisien.

Sumber : *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki menyampaikan ceramah tentang “Kepentingan Menjaga Kebersihan Diri dan Mengamalkan Gaya Hidup Sihat”.

Tulis ceramah anda selengkapnya.

Format : Ceramah

Kata alu-aluan

Kata sapaan (antara beberapa perenggan – sekurang-kurangnya sekali)

Penutup (lafaz salam dll)

Kehendak / tugasannya soalan :

1. Calon dikehendaki **menghuraikan** **kepentingan** **menjaga** **kebersihan** **diri** **dan** **mengamalkan** **gaya** **hidup** **sihat** iaitu :
 - (i) memberikan keselesaan kepada diri untuk melakukan pelbagai aktiviti harian
 - (ii) mencegah diri daripada penyakit
 - (iii) memberikan impak positif kepada produktiviti dan kualiti hidup secara keseluruhan

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan **semua idea dalam petikan** dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan tajuk ceramah - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan **sebahagian sahaja idea** dalam petikan serta menambah **idea-idea lain** – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan **sebahagian idea dalam petikan sahaja** - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**
5. Jika calon tidak menjawab dalam bentuk format ceramah – maksimum **KEPUJIAN**

Soalan 3

“Semangat perpaduan perlu bermula dari sekolah seiring dengan usaha untuk memupuk nilai-nilai keharmonian antara kaum,” titah Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar. Menurut baginda, sistem pendidikan memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini.

Sumber : Astro Awani

Sebagai respons daripada petikan di atas, bincangkan langkah-langkah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid di sekolah.

Kehendak / tugasannya soalan :

1. Calon dikehendaki **menghuraikan langkah-langkah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid di sekolah.**

Cadangan isi :

1. program RIMUP
2. penggunaan bahasa rasmi iaitu Bahasa Melayu - Memperkasa Bahasa Melayu
3. kurikulum - mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan
4. kokurikulum - sukan dan permainan, persatuan dan kelab, badan beruniform

Kemungkinan jawapan :

1. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**
2. Bilangan perkataan 511 dan ke atas - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Bilangan perkataan 339 dan ke bawah - maksimum peringkat **BAIK**

Soalan 4

KUALA LUMPUR: Penganjuran Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2024 diteruskan pada tahun ini sejak dimulakan pada 2018 dengan sasaran memupuk minat murid sekolah terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Usaha tersebut merupakan komitmen Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam kehidupan rakyat Malaysia secara berterusan. Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang, setiap program yang disusun menyasarkan pelibatan pelbagai pihak berkepentingan seperti murid sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi dan pihak industri.

Sumber : *Utusan Malaysia*

Huraikan peranan pelbagai pihak dalam memupuk minat murid sekolah dalam bidang STEM.

Kehendak / tugasannya :

1. Calon dikehendaki **menghuraikan peranan pelbagai pihak dalam memupuk minat murid sekolah dalam bidang STEM.**

Cadangan isi :

1. Peranan murid sekolah (individu)
2. Peranan pelajar institusi pendidikan tinggi
3. Peranan pihak industry
4. Peranan ibu bapa
5. Peranan guru/sekolah
6. Peranan kerajaan

Kemungkinan jawapan :

1. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**
2. **Bilangan perkataan 511 dan ke atas** - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. **Bilangan perkataan 339 dan ke bawah** - maksimum peringkat **BAIK**

KRITERIA PEMARKAHAN

BAHAGIAN A

[30 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<p><u>TEMA/TUGASAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugasan <p><u>IDEA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugasan ▪ huraian jelas dan matang <p><u>BAHASA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ bahasa gramatis dari segi kata dan ayat ▪ penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ unsur bahasa yang digunakan bervariasi ▪ penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ menggunakan ungkapan yang menarik yang sesuai dan tepat ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu <p><u>PENGOLAHAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ menarik dan berkesan ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugasn ▪ wacana lengkap ▪ pemerengganan sesuai <p>Ungkapan menarik :(peribahasa, kata- kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)</p>

Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	TEMA/TUGASAN <ul style="list-style-type: none">▪ Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugasan IDEA <ul style="list-style-type: none">▪ idea relevan dengan tema bahan rangsangan▪ huraian jelas BAHASA <ul style="list-style-type: none">▪ bahasa gramatis dari segi kata dan ayat▪ penggunaan kosa kata luas▪ unsur bahasa yang digunakan bervariasi▪ penggunaan tanda baca betul dan tepat▪ menggunakan ungkapan yang menarik▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu PENGOLAHAN <ul style="list-style-type: none">▪ Pengolahan menarik▪ laras bahasa sesuai mengikut tugasan▪ wacana lengkap▪ pemerengganan sesuai
		TEMA/TUGASAN <ul style="list-style-type: none">▪ Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/ tugasan IDEA <ul style="list-style-type: none">▪ idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugasan▪ huraian masih jelas BAHASA <ul style="list-style-type: none">▪ bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat▪ penggunaan kosa kata masih luas /terhad▪ unsur bahasa masih bervariasi▪ penggunaan tanda baca masih betul dan tepat▪ ejaan masih betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan bahasa yang ketara PENGOLAHAN <ul style="list-style-type: none">▪ masih menarik▪ laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan▪ wacana masih lengkap▪ pemerengganan masih sesuai

Pencapaian Minimum	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	<p>TEMA/ TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugasan <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan ▪ huraian kurang jelas <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat ▪ kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara ▪ penggunaan kosa kata terhad ▪ unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi ▪ ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ kurang menarik ▪ laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan ▪ wacana kurang lengkap ▪ pemerengganan kurang sesuai
Tidak Mencapai Tahap Pencapaian Minimum [TPM]	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ▪ idea tidak menepati tema bahan rangsangan/ tugasan ▪ banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat

KRITERIA PENSKORAN

Bahagian B [70 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<p><u>TEMA/TUGASAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan menjawab tugas <p><u>IDEA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea relevan mengikut tugas ▪ huraian jelas dan matang ▪ contoh yang sesuai <p><u>BAHASA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu ▪ Penggunaan unsur bahasa ber variasi ▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ Gaya bahasa amat menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <p><u>PENGOLAHAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ sangat menarik dan berkesan ▪ pemerengganan sesuai ▪ wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugas <p>Ungkapan menarik : (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)</p>

KEPUJIAN	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan menjawab tugas <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea relevan mengikut tugas ▪ huraian jelas ▪ contoh yang sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu ▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ Penggunaan unsur bahasa bervariasi ▪ Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ menarik dan berkesan ▪ pemerengganan sesuai ▪ wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugas
		<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan masih menjawab tugas <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea masih relevan mengikut tugas ▪ huraian masih jelas ▪ contoh masih sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai ▪ Penggunaan kosa umum ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu ▪ Penggunaan tanda baca masih betul ▪ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi ▪ Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ masih menarik
BAIK	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan masih menjawab tugas <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea masih relevan mengikut tugas ▪ huraian masih jelas ▪ contoh masih sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai ▪ Penggunaan kosa umum ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu ▪ Penggunaan tanda baca masih betul ▪ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi ▪ Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ masih menarik

		<ul style="list-style-type: none"> ▪ pemerengganan masihsesuai ▪ wacana masih lengkap ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugasan
MEMUASKAN	<p>35 – 44</p> <p>(40 – 44)</p> <p>(35 – 39)</p>	<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan masih/ kurang menjawab tugasan <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea masih relevan ▪ huraian kurang jelas ▪ contoh kurang sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ayat kurang gramatis ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad ▪ Penggunaan kosa kata umum dan terhad ▪ ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan minimum ▪ Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi ▪ Gaya bahasa kurang menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ kurang menarik ▪ pemerengganan kurang sesuai ▪ wacana masih/ kurang lengkap ▪ laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan
PENGUASAAN MINIMUM	<p>21 – 34</p> <p>(28 – 34)</p> <p>(21 – 27)</p>	<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan kurang menjawab tugasan <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea masih relevan mengikut tugasan/ bercampur aduk ▪ huraian tidak jelas/tidak berkembang ▪ contoh tidak sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami ▪ Penggunaan kata kurang tepat ▪ Penggunaan kosa kata umum dan terhad ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ▪ Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi ▪ Gaya bahasa lemah dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ tidak menarik ▪ pemerengganan tidak sesuai / tidak seimbang ▪ wacana tidak lengkap

TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ keseluruhan karangan sukar/tidak difahami ▪ idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai ▪ keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis ▪ keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ▪ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik ▪ Pengolahan tidak menarik ▪ Pemerengganan tidak sesuai dan tidak seimbang ▪ Wacana tidak lengkap
--	--	---

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan pada peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. **Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:**

- () = **Kesalahan isi / fakta**
- _____ = **Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan**
- / = **Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)**
- // = **Kesalahan ejaan yang berulang**
- = **Kesalahan tanda baca**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata Sendi 'di ... (rumah)' dan 'ke ... (sana)'
10. Angka

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT